

Sawah padi, masjid jadi lokasi PdPR

Demi siapkan tugas dan ikuti sesi pembelajaran

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS

Sawah padi di Kampung Kuar dan kawasan Masjid Pondok Darul Ulum, Kampung Serendah di sini menjadi lokasi 'hotspot' buat pelajar untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Mana tidaknya, hanya dua lokasi itu sahaja yang mempunyai capaian internet berkelajuan tinggi sekali gus membolehkan para pelajar dari Kampung Hutan Malar, Serendah, Galok dan Kepas mengikuti sesi PdPR dengan lancar.

Seorang pelajar, Fathina Uzma Mohd Zaki, 20, mengakui dia dan pelajar lain terpaksa 'berkampung' di kawasan sawah padi itu bagi mengelakkan terlepas daripada mengikuti sesi PdPR.

"Mahu atau tidak hanya itu sahaja pilihan kami ada, walaupun kawasan ini agak sunyi dan terpencil.

"Namun saya cukup lega apabila ibu atau ayah sering menemani sepanjang mengikuti PdPR selain adik, Ain Baliqis, 13," katanya yang merupakan pelajar tahun pertama Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, setiap hari dia akan berulang-alik sejauh enam kilometer (km) untuk ke kawasan sawah padi



Fathina Uzma (tengah) bersama adik-adiknya mengikuti PdPR di kawasan sawah padi Kampung Kuar kerana capaian internet di kawasan itu laju berbanding di kampung mereka.

itu bagi mengikuti PdPR.

Katanya, bukan itu sahaja dia juga terpaksa menumpang di rumah sepupunya di Bukit Panau, Tanah Merah untuk mengikuti sesi perbincangan terutama pada waktu malam.

Fathina Uzma berkata, sebelum ini pernah 'bertemankan' suara teriakan kerbau semasa menjalani proses temuduga kemasukan ke UPM bagi mengikuti Sarjana Muda Pendidikan Sains Rumah Tangga.

"Bagaimanapun saya gembira apabila diterima masuk bagi mengikuti jurusan berkenaan," katanya.

Seorang lagi pelajar Muhamad Fais Azroy Nazeri, 23 berkata, dia terpaksa menunggang motosikal sejauh dua km setiap hari bagi mendapatkan capaian internet yang laju di kawasan Masjid Pondok Darul

Ulum, Serendah.

Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam itu berkata, dia terpaksa berkampung di masjid tersebut berikutan capaian internet di kawasan rumahnya agak lemah sekali gus merencatkan proses PdPR.

"PKP 1.0 dan 2.0 memang cukup perit untuk saya mengikuti PdPR kerana kekangan masa serta pergerakan yang agak terbatas.

"Situasi itu membuatkan saya terpaksa 'berkampung' di sini bagi memastikan segala tugas diberikan pensyarah dapat disiapkan.

"Lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hanya waktu siang sahaja kami boleh berada di sini," katanya.